

Desas desus beberapa  
hakim letak jawatan

# PM tak tahu menahu

7 JUL 1988

**KUALA LUMPUR** 6 Julai — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata beliau tidak tahu - menahu mengenai desas - desus tentang beberapa orang Hakim Mahkamah Tinggi meletakkan jawatan kerana membantah penggantungan lima orang Hakim Mahkamah Agung.

Sambil menyifatkan desas - desus itu sebagai khabar angin, Perdana Menteri berkata, beliau tidak mendengar mengenai perkara itu.

"Saya tak tahu, itu khabar angin, khabar angin memang banyak. Nanti satu hari ada pula khabar angin yang mengatakan saya akan letak jawatan."

katanya kepada para pemberita yang meng-erumuninya di Bangunan Parlimen petang ini.

Sementara itu Hakim Mahkamah Tinggi, Hakim Datuk N.H. Chan malam ini menolak khabar angin yang tersebar di seluruh ibu kota mengatakan bahawa beliau akan meletak jawatan.

"Sava tidak me-

lakukan apa - apa kesalahan oleh itu kenapa saya harus meletak jawatan," katanya ketika dihubungi di rumahnya di sini malam ini.

Hakim Datuk Chan berkata demikian ketika diminta mengulas khabar angin bahawa beliau adalah antara hakim - hakim Mahkamah Tinggi akan meletak jawatan.